



Headline: Penipu kebas RM17k  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 2 April 2022

Language: Malay  
Section: Lokal  
Page: 21

## Penipu kebas RM17k <sup>+</sup>

**Kuantan:** Seorang kerani kerugian RM17,000 selepas terpedaya dengan helah individu yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sehingga mendorongnya menyerahkan wang.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa menerima panggilan daripada suspek pada 24 Mac lalu sebelum talian disambung kepada seorang lelaki.

Menurutnya, suspek lelaki itu mendakwa mangsa memiliki syarikat dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati mangsa mempunyai hutang sebanyak RM19,300 se-

jak 21 Januari 2019.

“Mangsa menafikan pernah membuka syarikat atas namanya sebelum panggilan didakwa disambung ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman lalu diminta membuat laporan polis jika tidak melakukan kesalahan itu.

“Semalam (kelmarin) mangsa dihubungi seorang lelaki memintanya agar mengeluarkan semua wang dalam akaun banknya bagi dipindahkan ke akaun bank atas nama seorang lelaki yang tidak dikenali,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, mangsa melakukan empat transaksi sebanyak RM17,000 ke dalam akaun bank yang diberikan suspek.